

Insecticide Mixtures and Resistance Management – Updated Guidance

August 30th 2023



Insecticide Resistance Action Committee

RESTRICTED

Kenyataan IRAC: Campuran Racun Serangga

Campuran racun serangga* (campuran tangki atau campuran pra-formulasi) digunakan untuk pelbagai sebab. Apabila (**campuran* racun serangga**) digunakan sebagai sebahagian daripada program rotasi, campuran ini boleh memberi manfaat tambahan untuk pengurusan rintangan.

- Pertimbangan penting semasa menggunakan campuran racun serangga untuk pengurusan rintangan:
 - Campuran racun serangga perlu mengandungi bahan aktif dengan cara tindakan (MoA) yang berbeza untuk memberikan manfaat pengurusan rintangan.
 - Campuran racun serangga dengan bahan aktif yang mempunyai jenama produk berbeza tetapi mempunyai klasifikasi MoA IRAC yang sama tidak sesuai untuk pengurusan rintangan.
 - Campuran racun serangga yang dipilih hendaklah berkesan terhadap peringkat hayat serangga yang disasarkan.
 - Campuran racun serangga hendaklah memberi kesan pendedahan serentak terhadap serangga.
 - Campuran racun serangga harus ada sedikit atau tiada rintangan silang antara dua atau lebih terhadap serangga.
 - Campuran racun serangga akan berkesan jika rintangan dalam serangga sasaran kepada kedua-dua bahan aktif tidak hadir atau sangat rendah.
 - Sila ikut arahan pada label untuk setiap campuran racun serangga.
- IRAC tidak menyokong penggunaan campuran racun serangga yang sama secara berulang sebagai satu-satunya kaedah kawalan perosak.
- Semua aplikasi racun serangga hanya boleh dibuat apabila perlu dan sebagai sebahagian daripada program Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).

Jika tidak dinyatakan sebaliknya, cadangan di atas dibuat untuk penggunaan campuran bagi pengurusan rintangan dalam senario perosak sasaran tunggal dan bagi kombinasi sebatian yang tidak bertindak secara sinergistik.

* Termasuk akarisi d

** Rintangan yang diberikan oleh mekanisme rintangan yang sama terhadap dua atau lebih cara tindakan racun serangga.